

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## LAWATAN KERJA RASMI CIDB KE UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

***Mesyuarat Kolaborasi di antara CIDB dan UMPSA dan Lawatan Ke Program CIDB dengan Kerjasama UMPSA bagi Pembangunan BIM Future Workforce***

**GAMBANG (09 October 2023)** – Pengurus Besar Kanan Sektor Pembangunan Teknologi, CIDB Malaysia, Puan Zainora Zainal bersama 4 orang pegawai CIDB Malaysia telah membuat lawatan kerja rasmi ke Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Tujuan lawatan kerja rasmi ini adalah untuk membincangkan kerjasama di antara CIDB Malaysia dan UMPSA di dalam pembangunan industri pembinaan Malaysia. Di samping itu, sesi lawatan ke Program BIM Multidisciplinary With AR/VR Application and Laser Scan Data Processing turut dilaksanakan. Program ini merupakan kerjasama diantara CIDB Malaysia dan UMPSA yang melibatkan 30 peserta selama 2 bulan di dalam menyediakan *BIM Future Workforce* bagi menampung keperluan penggiat BIM di Malaysia.

Terdahulu, pada tahun 2019 sehingga tahun 2020, pihak CIDB Malaysia telah bekerjasama di dalam pelaksanaan program latihan BIM Apprenticeship Program yang melibatkan 60 orang peserta selama 6 bulan. Hasil daripada program ini, 33 buah LOD 300 BIM model telah berjaya dihasilkan, 1955 buah komponen aset digital dan 60 orang pakar BIM modeller yang telah dilambakkan ke dalam industri di Malaysia bagi menampung keperluan pekerja pakar BIM di Malaysia

Selain itu, pada tahun 2020, sebuah program BIM Prihatin juga telah dilaksanakan dengan kerjasama UMPISA di dalam membantu para penggiat industri yang telah terkesan daripada pasca COVID-19. Program ini melibatkan 70 orang peserta selama 2 bulan.

Hasil daripada ketiga-tiga program ini, hampir 80% peserta telah dicatatkan bekerja di dalam sektor BIM setelah tamat 3 bulan daripada program yang telah dijalankan

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---